



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Director-General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E

Level 8, Block E8, Complex E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 10 (28)
Tarikh : 18 Disember 2024

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 11
TAHUN 2024**

**PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI KOMPETENSI GURU BIDANG SAINS,
TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA MULAI TAHUN 2025**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Penilaian Kendiri Kompetensi Guru Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Mulai Tahun 2025.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan Dokumen Kompetensi Guru Bidang STEM sebagai rujukan bagi mengenal pasti kompetensi yang perlu ada dan dicapai oleh guru bidang STEM. Kaedah bagi mengenal pasti kompetensi guru bidang STEM adalah melalui medium penilaian kendiri.
3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 20 Tahun 2024 bertarikh 1 Ogos 2024 telah bersetuju dan meluluskan pelaksanaan Penilaian Kendiri Kompetensi Guru Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Penilaian kendiri ini bertujuan untuk mengenal pasti kompetensi guru bidang STEM bagi merancang pembangunan profesionalisme berterusan (PPB). Seterusnya, dapatkan penilaian kendiri ini dapat membantu KPM merancang serta melaksanakan PPB yang berfokus dan latihan berstruktur bagi meningkatkan kompetensi guru bidang STEM.
4. Sehubungan dengan itu, guru bidang STEM hendaklah melengkapkan Penilaian Kendiri Kompetensi Guru Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) pada bulan Januari, setiap dua tahun, mulai tahun 2025. Guru boleh mengisi penilaian kendiri tersebut dalam Sistem Guru Malaysia (SGMy) melalui pautan <https://sgmy.moe.gov.my/>.


5. Surat siaran ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.
6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia